

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2019**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS  
[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula kadar bayaran kepada penerbit drama/cerekarama dan dokumentari yang tidak sesuai lagi kini kerana kadar terdahulu sudah terlalu lama tidak disemak selain peningkatan kos produksi. Kadar bayaran yang terlalu rendah inilah yang menyebabkan mutu drama di tv menjadi lesu dan hanya berkisar tentang cinta yang membosankan penonton.

**JAWAPAN:**

1. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sentiasa mendengar aduan, cadangan dan syor pelbagai pihak di dalam industri demi membantu para pengkarya ini dapat bersaing dan kekal kompetitif dalam penghasilan karya seni. Kementerian menyedari bahawa kadar bayaran ditetapkan pada tahun 1986 dan tidak pernah dikaji semula sehingga kini. (33 tahun)
2. Untuk makluman, KKMM melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah memohon kajian kadar bayaran yang disebutkan, dan ia kini dalam penelitian pihak Kementerian Kewangan. Kadar yang dicadangkan adalah peningkatan sebanyak 20-50% mengikut kategori iaitu, Telefilem, Drama Bersiri, Dokumentari/Majalah, Animasi Bersiri, *Variety Show*, Kapsul/Trailer/Promo. Cadangan ini adalah tertakluk kepada kelulusan dari Kementerian Kewangan Malaysia.
3. Dalam menentukan kadar berkenaan, RTM telah melaksanakan perbandingan dengan kadar pihak ketiga (pesaing RTM), dan dapat dipastikan bahawa kadar yang ditawarkan RTM adalah kompetitif.
4. Bagaimanapun ingin ditegaskan bahawa, kualiti karya kreatif yang dibeli RTM tidak berkaitan dengan kadar bayaran yang ditawarkan. Merujuk garis panduan perolehan rancangan, setiap terbitan telah melalui proses kelulusan dan piawaian yang ditetapkan dengan persetujuan pihak RTM dan juga syarikat.

## **NO SOALAN: 5**

5. Produk yang dihasilkan juga mendapat tempat di hati penonton. Sebagai contoh tahun ini, data rating Nielsen Malaysia yang dikeluarkan menunjukkan slot telemovie dan drama seumpama sesetengahnya mencecah 2 juta tontonan bagi slot Citra dan Panggung Seri. Ia bukti tema berkenaan masih menjadi pilihan penonton di negara ini.
  
6. Kementerian akan sentiasa memastikan kualiti dan mutu program yang disiarkan mengambil kira kebajikan pemain industri kreatif tempatan sentiasa dipelihara dan dilindungi.